

NOTIS SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan, bertaraf Bumiputera dan masih sah serta beralamat di dalam Negeri Selangor seperti berikut :

Bil.	Tajuk Kerja	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori & Pengkhususan	Harga Dokumen
1	Cadangan Bagi Melaksanakan Kerja-Kerja "Seal" 400 Unit Rumah Kos Rendah (RKR) Di Taman Permata, Daerah Dengkil, Selangor Darul Ehsan (PNSB-sh5/2026) Lawatan/Taklimat Kerja adalah <u>diwajibkan</u> seperti berikut :- Tarikh : 13hb Ogos 2026 (Khamis) Masa : 10:45 pagi Tempat : Parkir, Blok 3, Taman Permata	CIDB & Bumiputera (Beralamat dalam Negeri Selangor Sahaja)	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B03 atau B04	RM 50.00

BAYARAN

Bayaran untuk Dokumen Sebutharga adalah secara **Tunai / QR Pay yang dibuat atas nama Permodalan Negeri Selangor Berhad.**

DOKUMEN SEBUTHARGA

Dokumen Sebutharga boleh disemak pada waktu pejabat di Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI, No. 11, Jalan Judo 13/45, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan selepas selesai sesi Lawatan/Taklimat Kerja.

Lawatan dan Taklimat Kerja adalah **Diwajibkan**. Hanya Pemborong yang hadir Taklimat Kerja sahaja dibenarkan membeli dokumen sebutharga.

Pemborong dikehendaki menunjukkan Perakuan Pendaftaran Asal Sijil CIDB berserta satu salinan photostat semasa memohon tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan dokumen tawaran tidak akan dikeluarkan. Notis Sebutharga ini juga boleh dilawati di laman web PNSB : <http://www.pnsb.com.my>

Tarikh akhir penjualan Dokumen adalah pada **27HB. Ogos 2026 (Khamis)**. Dokumen tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi ; Sr. Baharudin Bin Ismail di talian 03-5650 1700 sambungan 1691.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI tidak lewat daripada **27HB. OGOS 2026 (Khamis) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI. Dokumen Sebutharga yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.**